

# McLaughlin pecah rekod dunia milik sendiri

**EUGENE, AMERIKA SYARIKAT (AS)** – Juara Olimpik, Sydney McLaughlin memecahkan rekod dunia miliknya dalam acara 400 meter (m) lari berpagar untuk meraih pingat emas Kejohanan Trek dan Balapan Amerika Syarikat semalam.

McLaughlin, 22, merakam masa terpanjang dunia 51.41 saat (s) pada saingan di Hayward Field di Eugene, AS untuk meluburkan rekod lamanya 51.46 yang pernah dilakukan sewaktu Sukan Olimpik Tokyo 2020 tahun lalu.

Atlet dari New Jersey itu langsung tidak menjangka mampu memecahkan rekod tersebut terlalu awal berbanding sasaran sebenarnya pada Kejohanan Dunia di venue sama yang akan berlangsung 15 Julai ini.

“Saya cuma mahu menamatkan perlumbaan ini. Saya sangat bersyukur dengan kejayaan ini kerana tiada apa yang mustahil walaupun saya tidak

meletakkan apa-apa sasaran di sini,” kata McLaughlin.

Pingat perak acara 400m lari berpagar kejohanan itu dimenangi Britton Wilson dengan masa 53.08s, manakala tempat ketiga menjadi milik Shamier Little menerusi catatan 53.92s.

Sementara, pelari wanita paling berjaya dalam sejarah olahraga AS, Allyson Felix terpaksa akur gagal melayakkan diri ke Kejohanan Dunia selepas sekadar menamatkan acara 400m di tempat keenam.

“Saya tidak kecewa kerana acara 400m semakin sukar. Saya gembira kerana sudah cuba mencabar diri sendiri,” jelas Felix yang pernah memenangi tujuh pingat emas Sukan Olimpik dari 2008 hingga 2020.

Begitupun, ia tetap dilihat sebagai pengakhiran mengecewakan dalam karier Felix, 36, yang terdahulu mengumumkan tahun 2022 adalah musim terakhirnya sebelum bersara secara rasmi. – AGENSI



**MCLAUGHLIN berjaya memecahkan rekod acara 400m berpagar miliknya sendiri ketika di Olimpik Tokyo ketika menyertai saingan di Kejohanan Trek dan Balapan AS semalam. – AFP**